

Populasi gajah Afrika dan Asia semakin berkurang

Kesno 6/11/2020 m/s 21

UMUM mengetahui bahwa gajah adalah hewan darat terbesar di dunia.

Gajah Afrika adalah spesies yang terbesar dan beratnya boleh mencapai sehingga enam ton, manakala bagi gajah Asia, ia lebih kecil dan mampu mencapai berat sehingga lima ton.

Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) dalam satu kenyataan di laman web rasminya menyatakan bahawa habitat bagi gajah kini telah menyusut.

Jelasnya lagi, kewujudan konflik antara manusia dengan hidupan liar dan peningkatan pemburuan gading gajah secara haram sejak beberapa tahun kebelakangan ini menjadikan haiwan itu semakin terancam.

"Habitat gajah Afrika telah menurun lebih daripada 50 peratus sejak tahun 1979.

"Manakala untuk gajah Asia pula kini adalah sekitar 15 peratus daripada julat asalnya," kata WWF.

Walaupun ada berlaku perkembangan terhadap populasi gajah di Afrika Selatan, tetapi jumlahnya terus menurun di beberapa kawasan lain, terutamanya di tengah Afrika dan beberapa bahagian lain di timur benua tersebut.

Kini populasi gajah Afrika yang masih ada di benua itu adalah sekitar 415,000 ekor.

Gajah Asia pula telah berkurang



KONFLIK antara gajah dan manusia, selain peningkatan pemburuan gading, menyebabkan haiwan itu semakin terancam. - GAMBAR HIASAN

sekurang-kurangnya 50 peratus selama tiga generasi terakhir.

Dianggarkan hanya 40,000 hingga 50,000 ekor gajah Asia tinggal hingga kini dan spesies ini diklasifikasikan

sebagai terancam.

"Sangat penting untuk memulihara gajah Afrika dan Asia kerana haiwan itu memainkan peranan penting dalam ekosistem dan turut menyumbang

kepada sektor pelancongan dan masyarakat setempat.

"Kami sentiasa menyokong usaha masyarakat untuk melindungi dan memulihara habitat haiwan," jelas WWF.